

## Pendahuluan

**Isu kahwin lari** bukanlah satu perkara yang baru dalam masyarakat kita pada hari ini. Fenomena yang masih lagi berlaku menimbulkan polemik di kalangan masyarakat bagaimana untuk menyelesaikan permasalahan tersebut dan punca-punca masalah ini berlaku. Antaranya, masalah ini berlaku disebabkan keengganan wali menghawinkan anak dara dengan bakal suaminya atau bakal suami tidak mendapat restu keluarga. Oleh yang demikian, jalan penyelesaian yang singkat untuk mengatasi masalah perwalian dan peruntukan undang-undang keluarga yang sedia ada, perkahwinan tersebut dijalankan di luar Negara. Antara destinasi utama yang menjadi pilihan kepada pasangan kahwin lari iaitu di negara Thailand.

# KAHWIN LARI

## Satu Kajian Menurut Perundangan

Dalam undang-undang keluarga Islam di setiap negeri, tidak terdapat peruntukan yang khusus berkaitan istilah kahwin lari. Kes 'kahwin lari' ditafsirkan di bawah bab perkahwinan tanpa kebenaran. Meskipun, tidak dimasukkan dalam peruntukan akta secara khusus, namun sesiapa yang didapati sabit oleh mahkamah atas kesalahan kahwin lari akan dikenakan hukuman. Umumnya, undang-undang kekeluargaan Islam tidak mengiktiraf pasangan yang berkahwin lari disebabkan perbuatan tersebut melanggar keabsahan undang-undang kekeluargaan Islam. Sebagai contoh, perkahwinan tersebut dijalankan oleh wali hakim tanpa kebenaran pendaftar nikah yang dilantik oleh negeri masing-masing dan tidak mengikut prosedur yang digariskan oleh undang-undang.

Bahkan dalam penulisan fiqh klasik, tidak terdapat penulisan para ulama yang menyentuh secara khusus bab kahwin lari. Kebanyakan penulisan yang relevan dengan isu 'kahwin lari' boleh dilihat dalam bab wali dan permasalahannya. Perbincangan dan kupasan tentang permasalahan perwalian dalam kitab-kitab fiqh terdahulu perlu dikembangkan dalam dimensi yang luas supaya dapat menyelesaikan permasalahan masyarakat dalam era globalisasi. Contohnya, kuasa yang ada pada wali dalam urusan perkahwinan.

### Hukum "Kahwin Lari"

Islam merupakan agama yang sempurna dan lengkap dari segenap aspek. Dalam pembinaan institusi kekeluargaan, Islam mempunyai peraturan dan tatacara yang tersendiri dalam memelihara kualiti sesebuah rumahtangga yang dibina dalam suasana yang harmoni dan diredhai Allah S.W.T. Dalam disiplin

perundangan Islam, aspek kekeluargaan dikelompokkan dalam bidang ilmu yang tersendiri. Ketentuan ini dalam istilah perundangan Islam dikenali sebagai *fiqh usrah* (fiqh kekeluargaan). Justeru itu, bagi pasangan yang bakal berkahwin mereka perlu mematuhi hukum-hukum yang diperundangan oleh syara' dan sebagai tambahan undang-undang kekeluargaan yang digubal oleh pemerintah. Undang-undang kekeluargaan yang digubal tersebut boleh diterima pakai selagi tidak berlaku kontradiksi dengan syara'.

Menyentuh tentang persoalan hukum 'kahwin lari', masalah ini mempunyai kesan yang tertentu dari syara'. Persoalannya, sama ada perkahwinan tersebut diiktiraf atau tidak oleh perundangan Islam. Oleh yang demikian isu kahwin lari perlu diperincikan berdasarkan tafsiran teks perundangan Islam ia mempunyai perkaitan dalam bab wali yang disentuh dalam kitab fiqh. Tegasnya, wali merupakan salah satu komponen penting dalam rukun nikah seperti yang termaktub dalam kitab Sahih al-Bukhari

dalam bab *Man Qala La Nikah illa bi Wali dan Kitab Kifayah al-Akhyar* karangan Imam Taqi al-din Abu Bakr. Umumnya, pandangan majoriti ulama berkenaan dengan masalah ini seperti Umar, Ali, Ibn Masud, Ibn Abbas, Abu Hurairah menegaskan seseorang perempuan tidak dibenarkan berkahwin melainkan mendapat keizinan daripada walinya. Perkara ini ditegaskan oleh *Ibn Qudamah* dalam karangannya *al-Mughni Wa Yalihu al-Sharh al-Kabir*. Pandangan ini disokong oleh sarjana juris Islam seperti Imam Shafi'i dan Imam Malik bahawa wali merupakan satu keperluan dalam perkahwinan.

Imam Abu Hanifah pula mempunyai pandangan yang tersendiri dalam bab perwalian. Pendapat ini dinukilkan dalam kitab *Radd al-Mukhtar 'Ala Ibn Abidin*, dikarang oleh Ibn Abidin, menyatakan wanita yang mukallaf boleh menghawinkan dirinya sendiri tanpa perlu kepada keizinan wali. Meskipun begitu, aliran Hanafi berpendapat keizinan wali masih lagi diperlukan bagi kes perempuan yang masih kecil dan gila. Keterangan daripada Imam Abu Hanifah menunjukkan sesuatu perkahwinan sama ada terdiri daripada anak dara atau janda dibenarkan walaupun tanpa disertai dengan wali.

Secara prinsipnya, kepentingan wali dalam perkahwinan dijelaskan oleh al-Quran yang bermaksud:

*"Maka janganlah kamu mencegah wanita yang berada di bawah perwalian kamu untuk berkahwin"*  
(al-Baqarah:232)

Dalil ini dikuatkan lagi dengan dengan sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

*"Setiap wanita yang berkahwin tanpa kebenaran walinya, maka nikahnya itu tidak sah (sebanyak tiga kali), dan jika wanita itu disetubuhi, maka wanita itu berhak mendapat mas kahwin dan jika selepas penyempurnaan perkahwinan, kedua-duanya berselisih faham, maka Sultan atau Raja menjadi wali bagi wanita yang tidak mempunyai wali lain".*

(Sunan Abu Daud)

Berdasarkan dalil-dalil yang diberikan, wali merupakan satu keperluan dalam perkahwinan. Rasionalnya, peranan wali dalam perkahwinan seseorang wanita bukan untuk menunjukkan bahawa wali sama ada bapa atau penjaga atau pemerintah mempunyai kuasa eksekutif yang tidak boleh dikompromi. Dalam penulisan Rozi Zainun "*Wanita, penghapusan diskriminasi dari perspektif Islam dan undang-undang Malaysia*" menjelaskan keperluan wali dalam perkahwinan adalah melindungi kedudukan dan hak dalam institusi masyarakat. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memastikan tidak berlaku penganiayaan terhadap perempuan yang bakal dikahwini. Konsep wali yang diperkenalkan oleh syara' bukanlah bertujuan untuk menafikan hak-hak wanita dalam kebebasan memilih pasangan. Namun begitu, kebebasan yang diberikan kepada wanita bukanlah bersifat eksklusif sehingga menafikan kepentingan wali. Ada baiknya, sebelum diputuskan jodoh pasangan perempuan, wali perlu mengambil kira pandangan anak perempuan dalam membuat sebarang keputusan yang melibatkan masa depannya.

Dalam kes tertentu, bidang kuasa perwalian akrab boleh berpindah kepada wali hakim. Contohnya, wali asal ghaib, wali enggan (*al-`adl wali*) menghawinkan anaknya tanpa sebab yang munasabah atau wali berada jauh pada jarak 60 batu (dua marhalah). Kebiasaannya, pasangan kahwin lari yang tidak mendapat restu dari keluarga menggunakan alasan wali nasab perempuan berada jauh dari tempat berlangsungnya akad nikah. Sebagai contoh, kebanyakan pasangan kahwin lari melangsungkan pernikahan di negara luar seperti Thailand. Bagi kes yang melibatkan keengganan dari pihak wali, maka keperluan perkahwinan tersebut hendaklah diperiksa. Antaranya, wali mujbir memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syara'. Meskipun begitu sekiranya pernikahan tersebut tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh syara' maka pernikahan tersebut tidak sah.

### Implikasi Kahwin Lari Dari Aspek Perundangan

#### I. Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Pendaftaran bagi sesuatu perkahwinan adalah satu perkara yang penting. Keperluan kepada pendaftaran perkahwinan pada hari ini merupakan satu masalah kepada pasangan yang berhasrat untuk berkahwin. Ini adalah untuk kebaikan kepada kepada pasangan yang bakal berkahwin apabila timbul perkara-perkara berbangkit dalam urusan rumah tangga pada masa hadapan. Pendaftaran perkahwinan tidak terhad kepada pendaftaran dalam negeri sahaja tetapi undang-undang mengkehendaki perkahwinan yang berlaku di luar Malaysia perlu didaftarkan.

Perkara ini dinyatakan dalam seksyen 31, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Termasuk juga bagi kes perkahwinan yang berlaku di luar negeri mengikut hukum syara' tetapi tidak melalui kedutaan Malaysia. Perkahwinan tersebut hendaklah didaftarkan dalam tempoh enam bulan selepas tarikh perkahwinan di hadapan Pendaftar yang terdekat seperti yang termaktub dalam seksyen 31, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan dan seksyen 31 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Meskipun begitu, perkahwinan yang tidak didaftarkan tetap di sisi syara' sekiranya pasangan tersebut tidak melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dalam istilah undang-undang tidak ada peruntukan khusus berkaitan 'kahwin lari'. Istilah 'kahwin lari' hanyalah merupakan sebutan di kalangan masyarakat. Dari aspek perundangan, kesalahan kahwin lari diperuntukkan di bawah bab perkahwinan tanpa kebenaran. Kes ini berlaku apabila seseorang berkahwin di daerah atau di negeri lain tanpa dahulu memohon kebenaran untuk berkahwin di luar daerah. Tafsiran ini juga termasuk perkahwinan melalui sindiket nikah palsu. Sebagai contoh, seksyen 9, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 1979, memperuntukkan perkahwinan tanpa kebenaran adalah:

*"Tiada satu pernikahan boleh dinikahkan melainkan satu perakuan untuk pernikahan itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar, suatu kebenaran pernikahan itu di bawah seksyen 13 atau suatu kebenaran bertulis dari Mahkamah di bawah seksyen 17 telah diserahkan kepada orang yang akan menjalankan pernikahan itu."*

Tegasnya, perkahwinan tanpa kebenaran boleh ditafsirkan sebagai perkahwinan yang tidak mendapat restu wali pengantin perempuan dan perkahwinan yang diakadnikah oleh wali tahkim tanpa kebenaran wali dan Pendaftar Nikah yang dilantik. Umumnya, kesemua negeri memiliki Akta/Enakmen Undang-Undang Kekeluargaan yang khusus. Menyentuh tentang prosedur perkahwinan, sebahagian besar Enakmen memperuntukkan proses perkahwinan perlu mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Menurut undang-undang, pernikahan boleh diakadnikah oleh:

- i. Wali di hadapan pendaftar,
- ii. Wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar,
- iii. Pendaftar sebagai wakil wali
- iv. Wali Am/Raja/Hakim

Undang-undang memberi kuasa kepada wali raja/hakim untuk mengkadnikah seorang perempuan yang ingin berkahwin dengan syarat perempuan tersebut tidak mempunyai wali nasab. Begitu juga bagi kes wali enggan mengahwinkan anak perempuannya, mahkamah berbidangkuasa untuk memberi kebenaran kepada wali raja selepas satu percakapan dijalankan.

Bagi pasangan yang mengambil jalan mudah untuk berkahwin, mereka akan

melangsungkan perkahwinan di luar negara Malaysia seperti di Thailand. Hal yang demikian berlaku disebabkan amalan di Malaysia perkahwinan berwalikan sultan perlu melalui satu proses siasatan oleh hakim. Sebaliknya, Thailand tidak mempraktikkan amalan tersebut dan memberi kebebasan kepada pihak yang bertanggungjawab bebas untuk mengkadnikah pasangan terbabit dengan kuasa wali raja. Oleh kerana polisi yang tidak rigid dilaksanakan di negara Thailand memudahkan pasangan-pasangan melangsungkan perkahwinan di sempadan bagi mengelak peraturan-peraturan yang terdapat dalam undang-undang keluarga di Malaysia.

---

**...kes perkahwinan luar negeri  
yang tidak boleh didaftarkan  
boleh dilihat dalam kes Morad bin  
Shafie & Haslinda binti Shafie lwn  
Majlis Agama Islam Kedah...**

---

Implikasi lain yang timbul dari perkahwinan lari menyebabkan Sijil Perakuan Perkahwinan yang dikeluarkan oleh negara luar tidak diiktiraf oleh undang-undang keluarga. Sebagai contoh, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979 tidak menerima Sijil Perakuan Perkahwinan luar negara sekiranya tidak mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan di bawah seksyen 97 dan seksyen 98. Amalan yang dilaksanakan di Kedah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah akan menyiasat maklumat-maklumat berkaitan seperti wali, tempat perkahwinan, mas kahwin saksi dan maklumat tambahan lain. Sekiranya pasangan tersebut disabitkan bersalah maka penalti seperti denda atau penjara akan dikenakan. Proses pengesahan dan pendaftaran perkahwinan boleh dilaksanakan selepas pasangan tersebut dikenakan hukuman.

Begitu juga amalan yang berlaku di Wilayah Persekutuan, perkahwinan yang dijalankan tanpa kebenaran Pendaftar nikah akan dikenakan hukuman. Peruntukan ini berdasarkan seksyen 19 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 yang memperuntukkan kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi ringgit Malaysia satu ribu dan penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Umumnya, kes-kes perkahwinan yang dilangsungkan di Selatan Thailand boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori. Mahkamah akan menentukan bentuk-bentuk hukuman berdasarkan fakta kes yang berlaku sama ada perkahwinan tersebut boleh didaftar, tidak boleh didaftar, diperintah mufaraqah atau dibatalkan perkahwinan. Sebagai contoh, kes perkahwinan luar negeri yang tidak boleh didaftarkan boleh dilihat dalam kes Morad bin Shafie & Haslinda binti Shafie lwn Majlis Agama Islam Kedah (Kes Mal No. 22/98). Dalam kes ini pihak plaintif dikenali sebagai Haslinda binti Shafie telah berkahwin dengan Morad bin Shafie di Songkla, Thailand berwalikan adik kandung iaitu Khairun bin Shafie. Perkahwinan ini diakadnikah oleh Hj.

Abd. Manaf bin Mohamad. Mahkamah mendapati pernikahan secara wali tahkim adalah salah disebabkan bapa kepada plaintif masih ada. Mahkamah memutuskan perkahwinan diakadnikah oleh wali tahkim tidak sah. Alasan yang dikemukakan juru nikah tersebut tidak dilantik dan tidak mempunyai tauliah daripada pihak Majlis Agama Islam Selatan Thailand. Implikasi dari perkahwinan tersebut mengakibatkan perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan dan dikenakan hukuman. Sekiranya disabitkan kesalahan mahkamah boleh memerintahkan pasangan terbabit berpisah secara mufaraqah dan mahkamah mempunyai kuasa untuk mencadangkan supaya di akad nikah semula.

## II. Poligami Tanpa Kebenaran

Berdasarkan peruntukan undang-undang keluarga Islam, perkahwinan poligami tidak boleh dilakukan tanpa terlebih dahulu perlu mendapat kebenaran daripada mahkamah. Pasangan yang melanggar peraturan yang ditetapkan akan dikenakan denda mengikut budi bicara mahkamah. Sebagai contoh, amalan di Perak dan Terengganu, mereka yang berpoligami tanpa kebenaran daripada Hakim Syari'e boleh dikenakan penalti tidak lebih daripada ringgit Malaysia satu ribu atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kombinasi hukuman tersebut.

Oleh kerana pemohon yang berhasrat berpoligami perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan mengakibatkan sebahagiannya tidak layak berpoligami. Jalan penyelesaiannya adalah melalui kahwin lari. Dengan cara ini pihak terbabit dapat merahsiakan perkahwinan daripada pengetahuan isteri pertama dan untuk mengelakkan prosedur undang-undang yang sedia ada. Masalah-masalah yang dihadapi ini menyebabkan segelintir pasangan yang ingin berpoligami mengambil keputusan untuk berkahwin di luar negara meskipun mengetahui ia bertentangan dengan undang-undang.

## Kesimpulan

Perkahwinan menurut Islam merupakan penyatuan dua jiwa insan yang diikat dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh syara'. Oleh yang demikian, fenomena kahwin lari yang berlaku sudah tentulah bertentangan dengan falsafah kekeluargaan. Malah ia juga bertentangan dengan kebudayaan masyarakat Melayu yang mengutamakan nilai-nilai murni dalam institusi kekeluargaan. Masyarakat Melayu memandang jelek sekiranya fenomena ini berlaku dalam sesebuah keluarga. Rumahtangga dalam Islam merupakan sebahagian komponen penting dalam masyarakat. Secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa masyarakat juga berperanan dalam pembentukkan sesebuah keluarga. Oleh yang demikian, perkahwinan yang tidak menghormati masyarakat seperti kahwin lari jelas bertentangan dengan masyarakat dan juga merupakan satu perkara yang keji menurut Islam. Justeru itu, peruntukan undang-undang kekeluargaan yang menghukum pasangan kahwin lari adalah bertujuan menjaga kepentingan dan kesejahteraan masyarakat.